

Pencapaian kami Menguntungkan anda

Pengurus Utama Terbaik 2003

- Untuk Nilai Terbitan yang Terbesar
- Untuk Jumlah Terbitan yang Terbanyak
- Untuk Nilai Terbitan yang Terbesar (Islam)
- Untuk Jumlah Terbitan yang Terbanyak (Islam)

Rumah
Bon
Terbaik



Menduduki
Tempat
Teratas



Menduduki
Tempat
Teratas –
24.5%
bahagian
pasaran



Menduduki
Tempat
Teratas
dalam Tiga
Kategori



FinanceAsia

Anugerah
'Country
Awards 2004'
di Malaysia



Jadual
Pengurus
Utama
(untuk separuh
pertama tahun
2004)



Anugerah
Rating Agency
Malaysia (RAM)
2004



'Dealogic
Equity
Bookrunner
League Table
– Malaysia'

Bloomberg

Jadual Liga
Penaja Jaminan
Bloomberg
(untuk separuh
pertama tahun
2004)

Kepakaran kami pemangkin kejayaan anda.

Hubungi **603-2074 6513** atau kunjungi ambg.com.my



AmMerchant Bank



Penyata Pengerusi

Tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004 merupakan tahun yang penuh dengan peristiwa-peristiwa sedunia yang tidak dijangka yang telah menggegarkan pasaran modal dunia. Penaklukan Iraq, ketidakstabilan yang berterusan di rantau Asia Barat, pengeboman pengganas, penentangan bersenjata di rantau ASEAN serta wabak Sindrom Pernafasan Akut (SARS) telah meningkatkan ketidaktentuan dunia dan rantau ini. Akibatnya, sentimen masyarakat pelabur di rantau ini dan di Malaysia menjadi bimbang dan lebih berwaspada.

Dengan suasana yang dihadapi ini, saya berbangga Kumpulan AmMerchant Bank Berhad ("Kumpulan AmMerchant Bank" atau "Kumpulan") berjaya meningkatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak 14.5% menjadi RM193.2 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004 (TK 2004). Keuntungan bersih Kumpulan juga meningkat sebanyak 13.6% menjadi RM135.1 juta.

Lembaga Pengarah mencadangkan pembayaran dividen biasa pertama dan akhir sebanyak 25.0% tolak cukai berjumlah RM36.0 juta dividen saham keutamaan sebanyak 10.0% tolak cukai berjumlah RM7.2 juta.

TAHUN YANG BERLALU

Dalam menghadapi suasana yang semakin tidak menentu, kerajaan Malaysia telah melaksanakan langkah fiskal dan kewangan yang bersesuaian yang mana sesetengahnya bersifat sementara bagi mengukuhkan ekonomi domestik. Nampaknya langkah-langkah ini telah mencapai kesan yang disasar dan ia terbukti melalui peningkatan pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.3% walaupun dalam suasana yang mencabar. Selain itu, pertukaran pucuk pimpinan negara yang lancar dan seterusnya kemenangan besar Barisan Nasional dalam pilihan raya juga membantu ekonomi bergerak dengan lebih mantap. Kerajaan yang baru dilantik telah menetapkan polisi baru mesra perniagaan yang meningkatkan keyakinan ekonomi tempatan dan seterusnya mencetuskan aktiviti di pasaran modal domestik dalam ekonomi tempatan terutamanya bagi separuh kedua tahun kewangan. Kumpulan telah mengambil peluang daripada perkembangan positif ini dan berjaya mengakhiri tahun kewangan dengan mencapai dan mengekalkan kedudukannya sebagai peneraju pasaran dalam pelbagai sektor pasaran modal.

Satu pencapaian besar dan berprofil tinggi bagi AmMerchant Bank ialah unit Pasaran Modal Hutangnya merangkul bersih keempat-empat Anugerah Liga Ulung Rating Agency Malaysia (RAM) 2004 dengan memperoleh '**Pengurus Utama Unggul 2003**' bagi kategori anugerah berikut:

1. Bilangan Terbitan (17 terbitan);
2. Nilai Terbitan (RM8.42 bilion);
3. Bilangan Terbitan Islam (6 terbitan); dan
4. Nilai Terbitan Islam (RM5.10 bilion).



Selain itu, pasukan Pasaran Modal Hutang juga telah mendahului bank-bank pelaburan lain dalam tawaran awam awal (IPO) di semua papan Bursa Malaysia: Papan Utama, Papan Kedua, MESDAQ dan *Labuan Financial Exchange (LFX)* dengan 31 IPO dalam TK 2004. Sebagai tambahan, pasukan Penasihat Korporat AmMerchant Bank juga telah memberi khidmat nasihat kepada 29 transaksi yang bernilai RM21.0 bilion termasuk transaksi belian kuasaan berkeumpulan yang pertama di Malaysia.



Dalam perniagaan pengurusan dana Kumpulan, AmInvestment Services Berhad dan AmInvestment Management Sdn Bhd (secara kolektifnya dirujuk selepas ini sebagai "AmInvest") berjaya mengekalkan kedudukan teratasnya di segmen dana institusi dengan bahagian pasaran sebanyak 17.5%. **AmInvest juga merupakan pengurus dana pendapatan tetap terbesar dalam tahun 2003** dengan RM2.2 bilion dilaburkan dalam sekuriti pendapatan tetap.

Anugerah dan pencapaian ini adalah hasil daripada sumber dan usaha yang kami laksanakan dalam mengubah kumpulan kami menjadi sebuah kumpulan perbankan pelaburan yang berintegritas sepenuhnya dengan keupayaan pembuatan dan pengedaran domestik yang kukuh. Dengan dedikasi berterusan oleh kakitangan AmMerchant Bank, saya yakin kita mampu menambah nilai pemegang saham secara konsisten di samping menyumbang ke arah pembangunan pasaran modal tempatan.



WAWASAN MASA DEPAN

Pada bulan Februari 2004, Kumpulan AMMB Holdings Berhad (AHB) mengumumkan cadangan penyusunan semula organisasi korporat yang melibatkan penyenaian bahagian perbankan pelaburan Kumpulan AHB. Pelaksanaan cadangan penyenaian ini sebahagian daripada usaha menyusun semula organisasi korporat yang melibatkan penswastaaan AMFB Holdings Berhad (AMFB), akan membawa kepada pengiktirafan yang lebih tinggi terhadap operasi perbankan pelaburan Kumpulan AHB dan membolehkan AmMerchant Bank mendapat laluan terus kepada pasaran modal untuk menyediakan rangkaian lengkap perkhidmatan dan produk perbankan pelaburan bagi keperluan perbankan pelaburan menyeluruh untuk para pelanggan kami. Permodalan akan menjadi faktor penting dalam menyediakan tawaran ke pasaran kerana senario perbankan pelaburan telah menjadi semakin kompetitif hasil kecanggihan kewangan pelanggan yang meningkat, kemasukan pemain baru di arena perbankan pelaburan (broker *universal* dan broker asing) dan tekanan globalisasi. Peningkatan dana modal akan membolehkan kumpulan perbankan pelaburan bersaing untuk tawaran dari kedudukan yang lebih kukuh dan seterusnya membolehkannya memberikan pulangan yang mencukupi dan berlanjutan kepada pemegang saham.



TEKNOLOGI SEBAGAI PEMOLEH

Oleh kerana perbankan pelaburan secara asasnya adalah kerjaya yang berdasarkan maklumat dan pengetahuan, peranan teknologi dalam pendedaran, penggunaan dan analisis kedua-dua data kewangan dan bukan kewangan adalah penting untuk mencapai kelebihan persaingan berbanding pesaing kami. Tumpuan pelaburan teknologi maklumat (IT) kami terutamanya tertumpu ke arah menyelaraskan keperluan perniagaan melalui pembangunan aplikasi perniagaan teras, sistem pengurusan risiko, automasi proses dan saluran penghantaran yang cekap.

Berikut adalah beberapa inisiatif IT yang telah berjaya dilaksanakan dalam beberapa jenis perniagaan bawah kumpulan perbankan pelaburan. Sistem aliran kerja Pematuhan dan Operasi Kewangan Korporat berasaskan *web* telah diperkenalkan untuk meningkatkan kecekapan pelaksanaan dan mengekalkan pematuhan peraturan dengan tahap piawaian yang tinggi. Perniagaan perbankan pembrokeran dan persendirian akan memperoleh pulangan tidak lama lagi daripada kemudahan Sistem Remisier Pembrokeran yang menyediakan maklumat berorientasikan tindakan yang tepat masa serta peralatan untuk sentiasa berhubung dengan pelanggan. Perniagaan pengurusan dana Kumpulan akan dapat meningkatkan tahap perkhidmatan pelanggannya dengan memberikan pelanggan laluan yang lancar untuk mendapat maklumat akaun dalam satu penyata dengan pelaksanaan sistem maklumat akaun amanah saham yang baru.

Di masa hadapan, kami kekal komited dalam menggunakan teknologi maklumat sebagai alat bernilai untuk menyokong pengetahuan dan modal intelek staf kami dalam memenuhi keperluan pasaran modal pelanggan dan meningkatkan lagi daya saing kami.

SUMBER TENAGA MANUSIA

Kumpulan telah mengambil pandangan yang lebih kontemporari tentang staf kami di mana setiap pekerja kami dianggap sebagai 'sumber insan' yang mana perniagaan Kumpulan dibina. Setelah sekian lama, Kumpulan telah membina budaya yang menggalakkan dan memberi imbuhan kepada staf atas usaha keras, kreativiti dan kerjasama berpasukan mereka. Pengalaman dan kemahiran kolektif staf kami kekal sebagai pembeza utama di dalam industri perbankan pelaburan di mana produk dan perkhidmatan perbankan pelaburan semakin menjadi satu komoditi hasil daripada persaingan yang bertambah. Kami telah memulakan sistem pengurusan prestasi dan pengawasan keuntungan yang baru untuk memastikan prestasi Kumpulan diukur berbanding industri secara keseluruhan dan berbanding pesaing utama kami bagi menjadikan kami lebih peka terhadap jangkaan pemegang saham.

Cabaran idea baru dan pelaksanaan pelbagai inisiatif strategik untuk bertindak balas dengan cepat dan secara fleksibel terhadap perubahan dalam keperluan pelanggan dan pasaran mencerminkan dedikasi dan semangat tinggi para kakitangan untuk membina asas kejayaan berterusan Kumpulan. Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada para kakitangan atas komitmen dan sumbangan mereka.

